

07/03/2015 - Program MAKSAK Turun Padang Kampung Ulu Chepor, Ipoh

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

YBhg. Tan Sri Mohammad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap Timbalan Yang Dipertua
MAKSAK Malaysia,

YB. Dato' Seri Abdul Puhat Mat Nayan
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak merangkap Yang Dipertua MAKSAK Perak,

YBhg. Naib-Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia,

YB. Yang Dipertua Badan-badan Gabungan MAKSAK,

Encik Mohd Ariffin bin Zainal Abidin, Pengerusi JKKK Kg. Ulu Chepor.

Ketua-ketua Jabatan dan agensi Persekutuan, Negeri dan Daerah.

Ketua-Ketua Masyarakat,

Tuan-tuan dan puan-puan, para tetamu yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan Nya jua dapat kita semua bertemu dan beramah mesra pada pagi yang berbahagia ini sempena Program MAKSAK Turun Padang 2015. Untuk makluman semua, Program MAKSAK Turun Padang merupakan program tahunan MAKSAK Malaysia yang bertemakan kebajikan dan mula dianjurkan

sejak tahun 2003. Program MAKSAK Turun Padang juga merupakan antara usaha untuk menekankan kepentingan memupuk budaya “turun padang” dalam penghayatan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”.

2. Matlamat utama Program MAKSAK Turun Padang ini adalah untuk mengukuhkan permuafakatan dan semangat kerjasama di antara pegawai kerajaan dengan rakyat setempat. Di samping itu juga, program seperti ini memberi peluang kepada pegawai Kerajaan untuk berkongsi maklumat mengenai usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan serta mendekatkan diri ke akar umbi.
3. Dalam hal ini, saya yakin program seperti ini merupakan antara kaedah yang efektif dalam mendengar dan menangani masalah yang dihadapi oleh rakyat di samping dapat merapatkan jurang hubungan di antara pegawai kerajaan dengan masyarakat. Program ini juga dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan untuk menyatukan rakyat tanpa mengira kaum, fahaman politik, agama dan keturunan, disamping dapat membantu golongan yang kurang bernasib baik.
4. Saya bersama rakan-rakan saya juga berasa amat bertuah kerana dapat turun padang bersama para penduduk Kampung Ulu Chepor yang sememangnya terkenal dengan keindahan alam semulajadi yang amat menakjubkan. Saya dimaklumkan bahawa terdapat lebih 100 jenis spesis flora dan fauna yang boleh diterokai di kawasan Hutan Simpan Kledang Saiong di sini. Kawasan rekreasi dan perkelahan di kampung ini yang sentiasa menjadi tarikan orang ramai dilihat mempunyai potensi yang tinggi untuk terus dipromosikan sebagai produk pelancongan utama di negeri ini. Malah saya ingin mencadangkan supaya pihak **MAKSAK bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dibawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)** untuk menjadikan Kampung Ulu Chepor sebagai salah satu daya tarikan pelancong dibawah **program *Tourist Firsts dan Visit My Kampung***. Saya memohon supaya para penduduk di sini bekerjasama rapat dengan agensi Kerajaan yang berkaitan bagi mengenaplasti potensi dan

peluang yang boleh diterokai bagi mengekalkan anugerah alam yang tidak ternilai ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Tahun 2014 telah meninggalkan kesan mendalam kepada seluruh rakyat Malaysia apabila beberapa tragedi dan musibah telah melanda negara kita. Antara musibah yang tidak dapat kita lupakan ialah kejadian banjir buruk yang melanda beberapa buah negeri pada penghujung tahun lepas dan juga pada awal tahun ini. Peristiwa pahit ini bukan sahaja telah mengorbankan nyawa, meranapkan harta benda dan tempat tinggal malah turut menjejaskan infrastruktur dan kegiatan ekonomi di negeri-negeri yang terlibat.
6. Daripada individu perseorangan, secara berkumpulan sehinggalah kepada agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat korporat dan badan bukan Kerajaan (NGO) telah **tampil** untuk memberikan **pelbagai bantuan kemanusiaan**. MAKSAK juga turut menghantar bantuan melalui Pasukan Sukarelawan MAKSAK yang menghimpunkan sukarelawan penjawat awam ke negeri-negeri yang terjejas akibat banjir iaitu di Temerloh (Pahang), Kota Bahru (Kelantan) dan juga beberapa kawasan di negeri Perak iaitu sekitar daerah Perak Tengah dan Kuala Kangsar. Solidariti dan semangat kerjasama yang ditunjukkan ini adalah cukup mengagumkan malah kesungguhan dan kesepakatan rakyat seumpama ini **mencerminkan kejayaan gagasan 1Malaysia** yang diutarakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak.

Saudara saudari yang dihormati sekalian,

7. Antara aktiviti utama dalam program MAKSAK Turun Padang ialah aktiviti gotong-royong. Sememangnya semangat gotong royong telah sebatik dalam hidup bermasyarakat di Malaysia ini dan merupakan antara kaedah untuk memupuk semangat kerjasama dan permuafakatan sesama kita. Titik-titik peluh kita yang bakal jatuh kelak harap akan meninggalkan kesan dalam hubungan kita diantara pegawai kerajaan dan masyarakat. Selain itu, sumbangan yang bakal diberikan sedikit sebanyak akan dapat membantu meringankan beban mereka-mereka yang memerlukan. Sesungguhnya sumbangan kami ini tidaklah sebesar mana namun ianya datang dari hati yang

ikhlas dan harapan saya agar ianya turut bermakna kepada tuan-tuan dan puan-puan. Usaha ini juga adalah sejajar dengan hasrat MAKSAK sendiri, iaitu untuk menjalin serta merapatkan hubungan dan persefahaman antara pegawai kerajaan dan masyarakat, khususnya penduduk-penduduk di Kampung Ulu Chepor ini.

8. Sebagai tanda penghargaan kepada para penduduk Kampung Ulu Chepor, sukacita **saya umumkan beberapa projek pembangunan sumbangan Kerajaan Persekutuan** yang saya yakin akan memberi manfaat yang berpanjangan kepada para penduduk setempat. Projek-projek tersebut ialah:-

i. **Membina Dewan Terbuka Di Pusat Rekreasi Ulu Chepor dengan kos sebanyak RM150,000.00;**

(ii) Membina dan menaik taraf tandas dan Bilik Persalinan Pusat Rekreasi Kampung Ulu Chepor, dengan kos sebanyak RM80,000.00; dan

(iii) Membina Baru Tandas Wanita Masjid Ulu Chepor dengan kos sebanyak RM60,000.00.

9. Semoga dengan terbinanya kemudahan-kemudahan ini akan mampu meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk di kawasan ini seterusnya membantu menaikkan imej kawasan ini sebagai antara produk pelancongan utama bagi negeri Perak Darul Ridzuan.

10. Bagi mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Tanah dan Daerah Kinta, agensi Jabatan Persekutuan & Negeri di daerah Kinta ini dan semua pihak yang telah membantu menjayakan program MAKSAK Turun Padang pada tahun ini. Sama-samalah kita berdoa agar segala

usaha kita diberi Allah keberkatan, dan semoga hubungan silaturahmi di kalangan kita akan terus diperatkan.

Sekian,

Wabillahit Taufik

walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.